



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh Melaka.

Tel : 06-233 2261 Faks : 06-233 2277

Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM03.02/10.12/3/1 (19)

Ruj. Tuan (Your Ref) :



MS ISO 9001:2000 REG NO. AR 3543

074

Mei 2008

Rabiulakhir 1429 H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2008

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN TATACARA PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Pejabat Bendahari telah mengeluarkan [Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5/2008](#) berkenaan penurunan kuasa had nilai perolehan daripada sehingga RM10,000.00 kepada RM50,000.00 serta pelaksanaan tatacara dan penubuhan Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan Perkhidmatan PTJ. Surat pekeliing tersebut turut meminda para 5.0 hingga 7.0 [Pekeliing Bendahari Bil. 1/2007](#).

Pejabat Bendahari telah menerima banyak maklumbalas dari PTJ tentang masalah yang dihadapi berkaitan pelaksanaan ini. Bagi mengatasi kekeliruan dan masalah tersebut, Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2008 dipinda seperti berikut dan diperjelaskan kepada :

1. Hanya had nilai perolehan dari RM10,000.00 dan ke atas sahaja perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan Perkhidmatan PTJ;
2. Para 6.1 berkaitan pengendalian bengkel/kursus/seminar/latihan bermaksud kehadiran staf ke bengkel/kursus/seminar/latihan dan penempahan tempat penganjuran sahaja dikecualikan daripada kelulusan jawatankuasa. Sebarang bekalan dan perkhidmatan yang perlu disediakan untuk perjalanan bengkel/kursus/seminar/latihan terbabit perlu mendapat kelulusan jawatankuasa tersebut;
3. Para 6.3 berkaitan penyelenggaraan yang masih dalam tempoh masa merujuk kepada perkhidmatan penyelenggaraan dengan pembekal yang sama semasa perolehan asal dibuat. Sekiranya tempoh penyelenggaraan yang termaktub dalam mana-mana perjanjian perolehan asal telah tamat, PTJ perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa berkenaan sebelum penyelenggaraan dilaksanakan.

Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan oleh pembekal yang sama, justifikasi yang kukuh perlu dikemukakan semasa pembayaran perkhidmatan;

4. Para 6.4 berkaitan sewa/utiliti merujuk kepada sewa/utiliti untuk Universiti sahaja. Sewa/utiliti di bawah kendalian PTJ sendiri perlu melalui jawatankuasa;
5. Mana-mana perolehan yang melibatkan luar negara, ruangan Perakuan Mengenai Mutu Oleh Pembekal adalah dikecualikan. PTJ perlu menandatangani ruangan Perakuan Oleh Jabatan hanya apabila pembekalan lengkap diterima; dan
6. Perolehan bagi projek penyelidikan yang menggunakan vot penyelidikan sehingga nilai RM50,000.00 dikecualikan daripada tatacara ini. Walaubagaimanapun, tatacara perolehan kerajaan bagi perolehan projek penyelidikan melebihi RM50,000.00 masih perlu dipatuhi.

Dengan ini para 4.0 Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5/2008 adalah dipinda daripada 5.0 hingga 7.0 kepada 7.0 Pekeliling Bendahari Bil. 1/2007. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh di atas dan hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5/2008 dan Pekeliling Bendahari Bil. 1/2007.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

Saya yang menurut perintah,

KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k **Y. Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd Diah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)